

ANALYSIS OF DIFFERENCES IN THE ACHIEVEMENT IN ADOPTION OF THE NOBLE VALUES AMONG KUIPSAS EMPLOYEES FROM 2018 TO 2020

ANALISIS PERBEZAAN PENCAPAIAN PENGHAYATAN NILAI- NILAI MURNI DALAM KALANGAN WARGA KERJA KUIPSAS DARI TAHUN 2018 HINGGA 2020

Muhamad Fairuz Ali¹, Muhammad Fakhruddin Ishak², Hasiah Mat Salleh³, Mohd Nizam Jamaluddin⁴, Safiah Abd Razak⁵ & Mohd Shupian Majid⁶

^{1&6}Jabatan Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

^{2,3&4}Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

⁵Jabatan Dakwah, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

Abstract

In an effort to ensure that the management system of an organization runs smoothly, effectively and with quality, the application of Quality Management System becomes the best option and provides the greatest impact to the organizational system. For an organization based on Islam such as the Islamic College University Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS), it has added one more alternative standards system known as MS1900:2005 – Quality Management System in accordance to the Islamic Perspective. This is in line with the efforts by KUIPSAS to fulfill the demands and needs of Syariah in the organization. In such standards, the values aspect needs to become a habitual practice so that quality management can be implemented in a balanced manner. The objective of this study is to identify various levels of practice of the noble values Ta'allum, Tazaakur and Ta'awun (3T) within the KUIPSAS community. The study also seeks to investigate the differing opinions among respondents from 2018 to 2020. This quantitative study was carried out using a questionnaire form distributed in 2018, 2019 and 2020 to all employees of KUIPSAS. Results of this study showed that the adoption of the noble values among KUIPSAS employees increased in all three values Ta'allum, Tazaakur and Ta'awun (3T). All three noble values were regarded to have helped staff members of KUIPSAS in the quest for knowledge and in the practice of noble personal values in the organization.

Perkembangan Artikel

Diterima: 07 Jun 2021

Disemak: 30 Oktober 2021

Diterbit: 30 Januari 2022

Penulis Utama:

Muhamad Fairuz Ali
Jabatan Bahasa Arab
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

E-mel: fairuz@unipsas.edu.my

Keywords: Moral values, quality management system, KUIPSAS

Abstrak

Dalam usaha memastikan sistem pengurusan sesuatu organisasi berjalan dengan cekap, berkesan dan berkualiti, penerapan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) menjadi pilihan terbaik dan memberi impak besar kepada sistem organisasi. Bagi organisasi berteraskan Islam seperti Kolej Universiti Islam Pahng Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS), organisasi tersebut telah menambah satu lagi sistem piawaian alternatif yang dikenali sebagai MS1900:2005 - Sistem Pengurusan Kualiti Keperluan Menurut Perspektif Islam. Hal ini seiring dengan

usaha KUIPSAS untuk memenuhi tuntutan dan keperluan Syariah di organisasi ini. Dalam piawaian ini, aspek nilai perlu dijadikan amalan agar pelaksanaan pengurusan kualiti dapat dilaksanakan secara seimbang. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap penghayatan nilai-nilai murni *Ta'allum*, *Tazaakur* dan *Ta'awun* (3T) dalam kalangan warga KUIPSAS. Kajian ini juga bertujuan mengkaji perbezaan pandangan responden antara tahun 2018 hingga 2020. Kajian kuantitatif ini dijalankan dengan menggunakan borang soalselidik yang diedarkan pada tahun 2018, 2019 dan 2020 kepada semua anggota kerja KUIPSAS. Hasil kajian menunjukkan penerapan nilai-nilai murni dalam kalangan anggota kerja KUIPSAS menunjukkan kenaikan untuk ketiga-tiga nilai murni *Ta'allum*, *Tazaakur* dan *Ta'awun*. Ketiga-tiga nilai murni ini dilihat telah membantu anggota kerja KUIPSAS dalam mendalami ilmu dan pengamalan peribadi mulia dalam organisasi.

Kata kunci: Nilai-nilai murni, sistem pengurusan kualiti, KUIPSAS

PENGENALAN

Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) merupakan himpunan beberapa klausa penting yang perlu dipatuhi oleh sesebuah organisasi. SPK ini merangkumi sistem pengurusan, pengurusan risiko, pengurusan sumber, produktiviti, analisis dan penambahbaikan berterusan. Bagi memastikan sistem pengurusan sesuatu organisasi berjalan dengan cekap, berkesan dan berkualiti, penerapan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) menjadi satu alternatif terbaik dan telah pun terbukti memberi impak besar dalam aspek pengurusan.

SPK ini telah mula dilaksanakan pada kebanyakan organisasi di Malaysia sejak tahun 90-an. Kesannya, pentadbir organisasi mampu membaiki sistem pengurusan dalam pelbagai sektor sama ada pentadbiran, perkilangan mahupun pendidikan. Dalam bidang pendidikan, Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) turut diguna pakai di beberapa Institut Pengajian Tinggi di Malaysia sama ada awam atau swasta. Bagi Institut Pengajian Tinggi yang ingin memastikan organisasi mereka melaksanakan sistem pengurusan memenuhi tuntutan dan keperluan Syariah, organisasi tersebut akan menambah satu lagi sistem piawaian alternatif yang dikenali sebagai MS1900:2005 - Sistem Pengurusan Kualiti Keperluan Menurut Perspektif Islam.

SPK ini tertumpu kepada aspek kemanusiaan, pengetahuan dan sikap individu itu sendiri dan dilihat mampu memberi sumbangan yang besar dalam pembangunan ilmu dan teori berkaitan bidang pengurusan kualiti Islam.

Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) telah berjaya memperoleh persijilan ISO 9001:2015. Persijilan ini memberikan ruang kepada semua anggota kerja KUIPSAS (AKK) bagi menghayati nilai-nilai murni yang diperkenalkan iaitu *Ta'allum*, *Tazaakur* dan *Ta'awun* (3T).

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti tahap penghayatan nilai-nilai murni *Ta'allum*, *Tazaakur* dan *Ta'awun* (3T) dalam kalangan warga KUIPSAS antara tahun 2018 hingga 2020.
- ii. Mengenal pasti perbezaan antara dapatan tahun terkini serta bandingan tahun sebelumnya.

PEMASALAHAN KAJIAN

Penerapan penghayatan nilai-nilai murni ini merupakan langkah terbaik untuk memastikan anggota kerja KUIPSAS memberikan perkhidmatan yang seimbang dalam aspek kualiti serta kerohanian.

Nilai-nilai murni yang diperkenalkan ini amat penting dan dituntut dalam Islam. Hal ini kerana dalam memberikan perkhidmatan, aspek nilai perlu dijadikan amalan agar pelaksanaan pengurusan kualiti dapat dilaksanakan secara seimbang (Siti Arni et al., 2019). Jika pelaksanaan ini diabaikan, sudah pasti organisasi tersebut akan mengalami masalah dalam mencapai target atau matlamat yang ingin dicapai. (Hasan Al-Banna et al., 2013)

Tambahan pula, amalan nilai-nilai murni pada masa kini amat membimbangkan dengan pengabaian terhadap sikap positif, hormat-menghormati, santun dalam berbahasa dan sebagainya (Muhammad Fairuz et al., 2019)

Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan mengenal pasti tahap penghayatan nilai-nilai murni *Ta'allum*, *Tazaakur* dan *Ta'awun* (3T) dalam kalangan warga KUIPSAS. Nilai-nilai murni ini penting bagi membentuk sikap profesionalisme dalam diri setiap warga KUIPSAS seterusnya memberi imej positif kepada KUIPSAS sebagai institusi pengajian Islam yang mementingkan pembangunan berterusan dari sudut fizikal dan spiritual.

PERSOALAN KAJIAN

- i. Apakah tahap penghayatan nilai-nilai murni *Ta'allum*, *Tazaakur* dan *Ta'awun* (3T) dalam kalangan warga KUIPSAS?
- ii. Apakah perbezaan antara dapatan tahun terkini serta bandingan tahun sebelumnya?

SIGNIFIKAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan yang tersendiri. Salah satunya adalah untuk mengkaji pelaksanaan sistem pengurusan kualiti Islam di KUIPSAS. Hal ini kerana apabila nilai-nilai murni ini telah diperkenalkan, ia bukan sahaja tertumpu kepada dokumentasi, tetapi perlu diikuti dengan pelaksanaan dan penghayatan oleh para pekerja.

Kajian ini juga secara langsung akan memberi sumbangan dalam pembangunan ilmu berkaitan dengan SPK dalam sektor IPT Islam. Pelaksanaan pelbagai aktiviti dan promosi adalah penting dalam menambah baik SPK ini serta menimbulkan kesedaran dalam kalangan anggota kerja KUIPSAS dan keutamaannya terhadap penekanan aspek kualiti nilai-nilai murni ini.

METODOLOGI KAJIAN

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik yang diedarkan pada tahun 2018, 2019 dan 2020. Borang ini mengandungi dua bahagian iaitu demografi dan tahap penghayatan nilai-nilai murni. Data kajian diperoleh dan dianalisis menggunakan

Statistical Package for The Social Science (SPSS). Dalam kajian ini, kaedah borang soal selidik diedarkan adalah melalui borang secara atas talian yang diedarkan melalui aplikasi *whatsapp* kepada semua staf dan pensyarah KUIPSAS.

Borang soal selidik ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan C. Bahagian A adalah tentang demografi seperti latar belakang responden iaitu jabatan, jantina dan tempoh berkhidmat. Bahagian B pula adalah tentang persepsi responden terhadap penghayatan warga Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) terhadap nilai-nilai murni.

Bahagian C pula berkaitan pandangan dan komen responden terhadap penghayatan nilai-nilai murni dalam kalangan warga KUIPSAS serta cadangan dan penambahbaikan terhadap kawalan syariah.

Kaedah pengukuran yang digunakan pula adalah menggunakan skala ‘*Likert*’ yang mempunyai lima pilihan jawapan iaitu Sangat Tidak Memuaskan, Tidak Memuaskan, Sederhana, Memuaskan dan Sangat Memuaskan.

Kajian ini adalah wajib dijawab oleh setiap AKK KUIPSAS. Bilangan responden berbeza mengikut tahun. Jumlah yang menjawab soal selidik ini telah melebihi syarat pensampelan Krejcie dan Morgan (1970) yang mana jumlah responden yang diambil adalah mencukupi daripada keseluruhan anggota kerja KUIPSAS sebagai saiz sampel.

KAJIAN LITERATUR

Nilai murni merupakan suatu perkara penting dalam melahirkan sikap seseorang yang cemerlang. Menurut Hussin (1995) nilai seseorang boleh mempengaruhi sikap,tindakan dan pemikiran. Bahkan nilai adalah pengimbang tara utama terhadap diri seseorang melebihi sikap yang mereka ada (Norazri Mohd Zaidin, 2015). Nilai baik yang dibentuk dalam diri individu akan melahirkan masyarakat yang membangun dan bertamadun secara menyeluruh. Ia penting bagi mewujudkan masyarakat Malaysia yang mempunyai minda kelas pertama (Zuhana Amatol Akma & Siti Saniah Abu Bakar, 2012).

Nilai murni berdasarkan Institut Takbir Awam Negara (INTAN) (1993), ditakrifkan sebagai kepercayaan yang mendorong tindakan seseorang individu atau sesebuah organisasi berasaskan elemen nilai sesuatu masyarakat tersebut. Manakala menurut Ahmad (2004) nilai adalah merangkumi elemen benda, markah, harga dan keinginan yang membentuk jati diri individu serta mengukuhkan budaya bangsa (Norazri Mohd Zaidin 2015,Othman Mustapha 2012). Oleh yang demikian kajian berkaitan nilai-nilai murni ini sering dilakukan ekoran kepentingannya dalam diri individu dan masyarakat. Antara kajian yang telah dilakukan ialah dalam aspek penerapan nilai-nilai murni di media penyiaran (Zuhana Amatol Akma & Siti Saniah Abu Bakar, 2012), pengajaran dan pembelajaran di institut pengajian tinggi (Norazri Mohd Zaidin, 2015), persekolahan(Mohamad Khairi et al., 2015; Nor Azizah Salleh et al., 2001; Othman, 2014),pembelajaran di pra sekolah (Latifah et al., 2012), kekeluargaan (Badrul Munir & Farhani, 2012), pendidikan anak-anak di rumah (Mamat & Abd Rashid, 2013), keusahawanan (Adib et al., 2014) dan pentadbiran (Al-Banna Mohamed et al., 2015).

Kajian-kajian yang telah dilakukan di atas mendapat bahawa terdapat 16 nilai murni yang diterapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (1994) dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran iaitu baik hati, hormat-menghormati, hemah tinggi, kerajinan, rasional, kerjasama, kejujuran dan kesyukuran, semangat bermasyarakat serta kasih sayang (Zuhana Amatol Akma & Siti Saniah Abu Bakar, 2012). Manakala penghayatan terhadap nilai murni di peringkat institusi pengajian tinggi awam adalah di tahap yang tinggi dan mempunyai perbezaan yang signifikan antara perspektif pensyarah dan pelajar terhadap penerapan nilai-nilai murni tersebut (Norazri Mohd Zaidin, 2015). Dapatkan tersebut berbeza dengan penghayatan nilai-nilai murni di peringkat sekolah menengah yang hanya di tahap sederhana

tinggi (Mohamad Khairi et al., 2015). Nilai-nilai murni di peringkat pra persekolahan pula didapati berjaya membentuk jati diri kanak-kanak (Latifah et al., 2012).

Keseluruhan kajian yang telah dilakukan dalam aspek nilai-nilai murni menunjukkan bahawa kajian berkaitan pengamalan nilai murni di institut pengajian tinggi adalah masih kurang khususnya di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) dalam sistem pengurusan dan pentadbiran. Kajian ini adalah relevan bagi melihat keberkesanan penerapan nilai-nilai murni dalam aspek pengurusan sesebuah IPTS.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian A: Demografi

Bagi menganalisis demografi, kajian analisis deskriptif dijalankan dengan melibatkan kekerapan dan peratusan. Profil demografi kajian dipaparkan seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Profil Demografi Responden Mengikut Jabatan/Unit

Demografi	2018	2019	2020
Pengurusan Kanan	5	1	5
Fakulti Pengajian Islam	52	23	46
Fakulti Teknologi Maklumat Dan Komunikasi	10	2	10
Fakulti Pengajian Pengurusan	16	6	15
Fakulti Pengajian Bahasa & Asasi	11	3	10
Perpustakaan	6	0	5
Jabatan Pengurusan Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni	8	1	5
Jabatan Sumber Manusia	5	2	4
Jabatan Bendahari	7	0	6
Jabatan Pentadbiran Am	32	5	21
Jabatan Perhubungan Korporat	4	1	2
Jabatan Pengurusan Teknologi Maklumat	5	2	5
Jabatan Pengurusan Akademik	5	3	3
Unit Pengurusan Masjid	4	1	0
Unit Tanaman Kelapa	0	0	0
Sambilan Harian	0	0	1
Pembantu Awam	0	0	19
Jumlah	170	50	157

Sumber: Soal Selidik 2018-2020

Jadual 2: Profil Demografi Responden

Demografi	2018	2019	2020
Jantina			
Lelaki	42	21	76
Perempuan	58	29	95
Tempoh Berkhidmat			
Kurang 10 tahun	52	23	90
10 – 20 tahun	42	22	61
21 tahun ke atas	6	5	20

Dapatan kajian berdasarkan Jadual 1 dan 2 menunjukkan jumlah responden mengikut jabatan serta jantina. Responden perempuan mendominasi maklum balas selama tiga tahun berturut-turut. Berdasarkan tempoh berkhidmat pula, responden paling tinggi datangnya dari anggota kerja KUIPSAS yang telah berkhidmat antara 10 hingga 20 tahun manakala selebihnya telah berkhidmat melebihi 20 tahun.

Bahagian B:

Bahagian ini adalah tentang persepsi responden terhadap penghayatan warga Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) terhadap nilai-nilai murni. Bahagian ini terbahagi kepada tiga bahagian mengikut ketiga-tiga ciri-ciri nilai-nilai murni yang diamalkan di KUIPSAS iaitu *Ta'allum*, *Tazaakur* dan *Ta'awun*.

Lima item yang digunakan iaitu Sangat Tidak Memuaskan, Tidak Memuaskan, Sederhana, Memuaskan dan Sangat Memuaskan, menunjukkan nilai purata sama ada tinggi atau rendah berdasarkan nilai skor min seperti berikut:

Jadual 3: Pengelasan Nilai Skor Min

Skor Min	Tahap Skor
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Sumber: Mohd Najib (2003)¹

PENGHAYATAN WARGA KUIPSAS TERHADAP NILAI MURNI 1: TA'ALLUM (تَعْلُم).

Sebanyak 6 item pertanyaan yang telah dijawab oleh responden dalam bahagian ini. Purata skor bagi penghayatan warga KUIPSAS terhadap nilai murni pertama iaitu *Ta'allum* adalah sederhana sebagaimana jadual berikut:

Jadual 4: Purata Skor Penghayatan Warga KUIPSAS Terhadap Nilai Murni 1: Ta'allum

Bil	Item	Min		
		2018	2019	2020
1	Saya mengetahui maksud dan konsep <i>Ta'allum</i>	4.27	4.26	4.21
2	Saya dapati warga KUIPSAS suka membaca.	3.03	3.22	3.56
3	Saya dapati warga KUIPSAS suka mempelajari ilmu yang baharu.	3.51	3.68	3.97
4	Saya dapati warga KUIPSAS sentiasa bersedia berkongsi ilmu dan kemahiran dengan orang lain.	3.71	3.84	4.13

¹ Mohd Najib Abdul Ghafar (2003). *Bentuk Tinjauan Soal Selidik*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia. Skudai.

	Saya dapati warga KUIPSAS sering menyertai majlis-majlis ilmu yang diadakan di dalam dan luar KUIPSAS.	3.65	4.00	4.08
5	Saya dapati warga KUIPSAS berminat untuk mempelajari dan menguasai ilmu pengetahuan/kemahiran yang di luar tugas utama di KUIPSAS.	3.58	3.80	4.00
6				
	Min Keseluruhan	3.63	3.80	3.99

Sumber: Soal Selidik 2018-2020

Hasil analisis menunjukkan tahap penghayatan nilai-nilai murni *Ta'allum* dalam kalangan responden sentiasa meningkat saban tahun dan mencapai Min yang tertinggi pada tahun 2020 (3.99). Berdasarkan jadual di atas, kebanyakan responden memahami konsep *ta'allum* tetapi kurang membaca. Skor bagi warga KUIPSAS yang gemar membaca hanya berada pada tahap sederhana. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan terhadap pemahaman responden berkaitan maksud dan konsep *Ta'allum* (Soalan 1).

PENGHAYATAN WARGA KUIPSAS TERHADAP NILAI MURNI 2: TAZAAKUR (تَذَكُّر)

Bahagian ini juga mengandungi 6 item yang telah dijawab oleh responden berkaitan penghayatan warga KUIPSAS terhadap nilai murni yang kedua iaitu *Tazaakur*. Purata skor bagi penghayatan ini adalah sederhana sebagaimana jadual berikut:

Jadual 5: Penghayatan Warga KUIPSAS Terhadap Nilai Murni 2: *Tazaakur*

Bil	Item	Min		
		2018	2019	2020
1	Saya mengetahui maksud dan konsep <i>Tazaakur</i> .	4.15	4.32	4.15
2	Saya dapati warga KUIPSAS saling mengingatkan rakan sekerja yang terlupa menyiapkan tugas yang diberikan.	3.8	3.78	4.00
3	Saya dapati warga KUIPSAS selalu menegur kesilapan dan memberi nasihat kepada rakan sekerja.	3.51	3.60	3.84
4	Saya dapati warga KUIPSAS sentiasa berlapang dada menerima teguran daripada rakan sekerja.	3.12	3.12	3.61
5	Saya dapati warga KUIPSAS menyampaikan teguran secara berhemah dan bebas memberi pendapat dari peringkat atasan hingga bawahan.	2.89	3.18	3.58
6	Saya dapati warga KUIPSAS mengamalkan budaya ingat-mengingati dengan harmoni di KUIPSAS.	3.42	3.38	3.83
	Min Keseluruhan	3.48	3.56	3.83

Sumber: Soal Selidik 2018-2020

Hasil analisis menunjukkan responden berpendapat warga KUIPSAS menghayati nilai murni *Tazaakur* pada tahap tinggi pada tahun 2020 (3.83). Graf ini juga semakin meningkat saban tahun menunjukkan kebanyakan responden memahami konsep *Tazaakur* tetapi tidak bersetuju dengan kenyataan teguran di KUIPSAS ini adalah bebas dan berhemah dari atasan kepada bawahan. Skor ini berada pada tahap sederhana iaitu 3.12 (2018-2019) dan 3.61 (2020). Walau bagaimanapun, terdapat penurunan terhadap pemahaman responden berkaitan maksud dan konsep *Tazaakur* (Soalan 1)

PENGHAYATAN WARGA KUIPSAS TERHADAP NILAI MURNI 3: TA'AWUN (تعاون)


Bahagian ini juga mengandungi 6 item yang telah dijawab oleh responden berkaitan penghayatan Warga KUIPSAS Terhadap Nilai Murni yang ketiga iaitu *Ta'aawun*. Purata skor bagi cadangan ini adalah sederhana sebagaimana jadual berikut:

Jadual 6: Penghayatan Warga KUIPSAS Terhadap Nilai Murni 3: *Ta'aawun*

Bil	Item	Min		
		2018	2019	2020
1	Saya mengetahui maksud dan konsep <i>Ta'aawun</i> .	4.2	4.32	4.14
2	Saya dapati warga KUIPSAS selalu tolong-menolong dalam urusan kerja seharian.	3.78	3.68	4.06
3	Saya dapati warga KUIPSAS sentiasa bersedia menghulurkan bantuan kepada rakan dalam menyelesaikan urusan kerja.	3.75	3.72	4.01
4	Saya dapati warga KUIPSAS bersedia membantu tugas yang bukan dalam bidang tugas utama mereka.	3.47	3.58	3.85
5	Saya dapati warga KUIPSAS mudah mendapatkan bantuan dan sering dibantu dalam usaha menyiapkan kerja yang diamanahkan.	3.56	3.68	3.94
6	Saya dapati warga KUIPSAS mengamalkan budaya bantu-membantu dengan ikhlas di KUIPSAS.	3.62	3.60	3.68
		Min Keseluruhan	3.73	3.76
				3.94

Sumber: Soal Selidik 2018-2020

Hasil analisis menunjukkan responden berpendapat dapati warga KUIPSAS menghayati nilai murni *Ta'aawun* pada tahap tinggi (3.95). kebanyakan responden memahami konsep *Ta'aawun* tetapi sukar memberi bantuan kepada AKK lain atas beberapa faktor. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan terhadap pemahaman responden berkaitan maksud dan konsep *Ta'aawun* (Soalan 1)



Rajah 1: Perbandingan Nilai-Nilai Murni dari tahun 2008 hingga 2020

Rajah di atas menunjukkan perbandingan nilai-nilai murni dari tahun 2008 hingga 2020. Mengikut carta di atas, berlaku peningkatan dalam tahap penghayatan nilai-nilai murni dalam kalangan warga kerja KUIPSAS. Min keseluruhan daripada soal selidik 2020 juga turut mencatatkan unjuran tinggi bagi semua nilai Murni.

Dapatkan ini menunjukkan pengamalan nilai-nilai murni di kolej ini berada pada tahap yang baik. Namun komen yang diberi oleh warga kerja perlu dipandang serius untuk diperbaiki dari semasa ke semasa.

KESIMPULAN

Kertas kerja ini merumuskan bahawa penerapan nilai-nilai murni dalam kalangan anggota kerja KUIPSAS menunjukkan kenaikan untuk ketiga-tiga nilai murni *Ta'allum*, *Tazaakur* dan *Ta'aawun*. Hal ini terbukti dengan penganjuran program-program keagamaan seperti Kuliah Dhuha, solat fardu berjemaah, gotong-royong, *Bayan Li* KUIPSAS dan sebagainya. Sambutan yang diberikan juga amat memuaskan menjadikan proses penghayatan nilai-nilai murni ini semakin meningkat dan diamalkan di KUIPSAS. Kesimpulannya, diharapkan dapatkan analisis ini mampu memberi nilai tambah dan idea baharu kepada KUIPSAS dalam usaha memastikan aspek syariah dan nilai-nilai murni ini terus diamalkan dan dipertingkatkan penghayatannya dari masa ke masa.

Rujukan

- Adib, M., Muin, A., Bakar, A. A., & Abdullah, S. (2014). Model Usahawan Berjaya dalam Amalan Nilai-nilai Murni Keusahawanan Sosial Islam. *Journal of Human Development and Communication Volume*, 3(September 2016), 129–141.
- Al-Banna Mohamed, H., Mumin Ab Ghani, A., & Arni Basir, S. (2015). Nilai-nilai sistem pengurusan kualiti Islam berdasarkan al-Quran dan integrasi ilmu saintifik. *The Values of Islamic Quality Management System Based on the Quran and Integration of Scientific Knowledge*. *Shariah Journal*, 23(1), 25–52.
- Ali, F., Radiah, C., & Ph, D. (2019). *Jurnal al-Sirat Bil. 18 Vol. 1 (2019)*. 1, 78–87.
- Badrul Munir, M.-Z., & Farhani, R. (2012). Nilai-nilai murni dalam sistem kekeluargaan lutong kelabu (*Trachypithecus cristatus*). *Jurnal Hadhari*, 4(1), 103–128.
- Hasan Al-Banna, M., Ab. Mumin, A. G., & Siti Arni, B. (2013). Sistem pengurusan Islam yang berkualiti mampu menjamin kepuasan pekerja: Suatu realiti dan cabaran masa hadapan. *Global Journal Al-Thaqafah*, 3(1), 67–84. <https://doi.org/10.7187/gjat342013.03.01>

- Latifah, A. M., Wan Nasryrudin, W. A., & Nurul Hidayah, A. Z. et al. (2012). Penerapan Nilai Murni dan Pembentukan Jati Diri Kanak-kanak Prasekolah Melalui Penggunaan Multimedia. *Jurnal Hadhari Special Edition* (2012) 51-65, 51–65.
- Mamat, A., & Abd Rashid, A. (2013). Aplikasi nilai-nilai murni berlandaskan tema Luqman Al-Hakim di dalam Al-Qur'an sebagai asas pendidikan. *Sosiohumanika: Jurnal Pendidikan Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 6(2), 133–142.
- Mohamad Khairi, O., Asmawati, S., & Samsilah, R. (2015). Penghayatan Nilai Murni dalam kalangan Pelajar Sekolah Menengah Masa Kini. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 18(Jun), 1–20.
- Nor Azizah Salleh, Siti Rahayah Ariffin, & Musa Daia. (2001). Penerapan Nilai Murni Melalui Pembelajaran-Kooperatif dalam Sains. *Jurnal Pendidikan*, 27, 47–57.
- Norazri Mohd Zaidin. (2015). *Penerapan Nilai-Nilai Murni dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran ke arah Pembentukan Sahsiah Pelajar di Kolej Kemahiran Tinggi Mara*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Othman, M. K. (2014). Hubungan penerapan nilai murni dalam pengajaran bahasa Melayu dengan penghayatan nilai murni pelajar. *Journal of Human Development and Communication*, 3(Special Issue), 81–92.
- Othman Mustapha. (2012). Pengukuhan integriti perkhidmatan awam : pendekatan melalui program nilai-nilai murni. *Jurnal Pengurusan Awam*, 9(2), 7–16.
- Siti Arni, B., Sharifah Hayaati, S. I., Ilhaamie, A. G. A., Hasan Albanna, M., & Syahrul Nizam, K. (2019). Nilai-Nilai Islam Dalam Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9000: Kajian Kes Di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(2), 79–92.
- Zuhana Amatol Akma, & Siti Saniah Abu Bakar. (2012). Penerapan Nilai Murni Dalam Iklan Televisyen. *Penerapan Nilai Mirni Dalam Iklan Televisyen*.